

**Untuk siaran segera  
22 Ogos 2024**

**INISIATIF LITERASI KEWANGAN: CELIK MADANI  
UNTUK MEMPERKASA 1 JUTA PELAJAR IPTA  
DIPERKENALKAN**

*Pemberian pelaburan permulaan percuma RM50, sumbangan bersama antara Kerajaan Malaysia, PNB dan syarikat korporat*

**Shah Alam, 22 Ogos 2024:** Permodalan Nasional Berhad (PNB) memperkenalkan inisiatif Celik MADANI: Celik Kewangan Belia MADANI yang menyasarkan satu (1) juta pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) termasuk institusi pengajian vokasional baharu, dengan menyediakan nilai pelaburan permulaan percuma sebanyak RM50 dan alat kewangan asas untuk menggalakkan perancangan kewangan dalam kalangan generasi muda.

Inisiatif ini yang diperkenalkan bersempena penjenamaan semula Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) pada majlis perasmian Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2024 di Pusat Konvensyen Setia City, di sini hari ini.

MSAM 2024 dirasmikan Perdana Menteri YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim yang dimeriahkan dengan kehadiran Menteri Besar Selangor, YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari. Turut hadir Pengerusi Kumpulan PNB, YM Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad bin Raja Tun Uda; Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Dato' Abdul Rahman bin Ahmad; barisan kepimpinan kanan PNB dan syarikat strategik yang juga merupakan Rakan Korporat MSAM 2024.

Inisiatif Celik MADANI: Celik Kewangan Belia MADANI menyasarkan pendaftaran 1 juta pelajar IPTA dan institusi pengajian vokasional baharu yang akan diberikan nilai pelaburan permulaan sebanyak RM50 seorang, hasil sumbangan bersama antara Kerajaan Malaysia, PNB dan syarikat korporat, dengan nilai sumbangan keseluruhan

berjumlah RM50 juta.

Inisiatif ini bertujuan untuk memastikan golongan belia di Malaysia mula merancang kewangan mereka pada usia muda dan secara terus membantu mengukuhkan kedudukan kewangan mereka apabila terus menyimpan dan melabur bersama ASNB walaupun selepas tamat pengajian. Matlamat ini adalah untuk membangunkan tahap celik kewangan generasi masa depan Malaysia, memperkasakan mereka dengan alat kewangan asas agar dapat membuat keputusan kewangan yang termaklum pada masa hadapan.

50 peratus (50%) daripada jumlah sumbangan RM50 kepada setiap pelajar adalah sumbangan daripada Kerajaan Malaysia, manakala baki RM25 akan ditaja oleh PNB dan syarikat korporat lain. Berdasarkan mekanisme inisiatif tersebut, RM50 akan dikreditkan ke dalam akaun Amanah Saham Bumiputera (ASB) atau Amanah Saham Malaysia (ASM) pelajar IPTA, di mana nilai ini akan dikunci bagi tempoh 5 tahun.

Sepanjang fasa ini, pelajar akan digalakkan untuk membuat simpanan berulang yang kecil setiap bulan untuk memupuk tabiat menabung. Berasaskan sumbangan nilai pelaburan percuma sebanyak RM50 dan diandaikan pulangan dividen sepanjang tempoh itu adalah sebanyak 5.5% setahun\*, di mana apabila pelajar membuat simpanan tambahan RM20 sebulan selama 4 tahun sepanjang tempoh pengajian dan nilai simpanan ditambah ke RM100 sebulan ketika mula bekerja, mereka akan mempunyai simpanan terkumpul melebihi RM10,000 dalam tempoh 10 tahun, jika tiada pengeluaran dibuat.

*\*(Nota: Pulangan simulasi setahun adalah bagi tujuan ilustrasi sahaja dan bukan menunjukkan prestasi masa hadapan)*

Inisiatif yang akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat ini akan diselaraskan oleh ASNB, syarikat pengurusan unit amanah milik penuh PNB. ASNB akan bekerjasama dengan IPTA, institusi pengajian vokasional serta penaja korporat untuk pendaftaran pelajar baharu sebagai pemegang unit ASNB dan menganjurkan kempen celik kewangan untuk pelajar.

## **MSAM 2024**

Pengerusi Kumpulan PNB, YM Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad berkata, acara literasi kewangan terbesar negara tahun ini dianjurkan di negeri Selangor untuk kali pertama menawarkan pengunjung dengan pengalaman melangkaui pengetahuan pengurusan kewangan dengan memberikan penekanan khusus kepada elemen pendidikan kewangan yang lebih meluas.

Beliau berkata, "MSAM tahun ini juga menyaksikan permulaan era baharu bagi ASNB melalui pelancaran logo baharu, yang kini tampil lebih segar dan dinamik untuk menarik generasi muda dan memperkasa pemegang unit sedia ada."

"ASNB mengambil pendekatan yang lebih menarik dan disokong oleh khidmat nasihat kewangan dalam talian lebih peribadi dan mudah seperti Penasihat Pelaburan Robo (RIA), ASNB Academy dan kerjasama dengan Touch & Go," tambah beliau.

Tema, "Kukuhkan Hidup Anda di MSAM" adalah selaras dengan Matlamat diperbaharui PNB, mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi, yang menjadi panduan PNB dalam memenuhi mandatnya, untuk meningkatkan kekayaan ekonomi masyarakat Bumiputera dan seluruh rakyat Malaysia, demi kemakmuran negara.

MSAM 2024 turut membawakan lebih banyak aktiviti yang menyeronokkan untuk menarik pengunjung daripada setiap lapisan masyarakat menerusi inisiatif seperti konsert Labur Ria, fiesta makanan di MAE-Dan Selera, pameran kereta di AutoMania dan hadiah-hadiah menarik bernilai kira-kira RM1 juta.

Kira-kira 50 peserta pameran yang terdiri daripada syarikat Kumpulan PNB, Rakan-Korporat, syarikat strategik dan teras yang terpilih, bank-bank, badan kawal selia, dan agensi Kerajaan Negeri menyertai acara mega tahun ini yang sekali lagi menerapkan pendidikan kewangan dan elemen STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) agar menjadi inspirasi kepada golongan muda untuk menuntut ilmu dan pelajaran pendidikan tinggi.

Sejak penganjuran pertamanya pada tahun 2000 di Kuala Lumpur, MSAM menyaksikan

pertumbuhan memberangsangkan dalam bilangan pengunjunnya dengan lebih 4.3 juta sejak penubuhannya 24 tahun lalu telah menarik orang ramai dari kawasan bandar dan luar bandar. Nilai ini termasuk 240,000 orang pengunjung daripada MSAM 2023 yang diadakan di Bertam, Pulau Pinang tahun lepas.

MSAM 2024 dibuka kepada orang ramai setiap hari bermula jam 10 pagi hingga 10 malam, dari 22 – 25 Ogos di Pusat Konvensyen Setia City, Shah Alam, Selangor. Untuk pendaftaran, para pengunjung digalakkan untuk daftar masuk melalui aplikasi myASNB mereka. Layari [www.pnb.com.my/msam](http://www.pnb.com.my/msam) untuk maklumat lanjut. Masuk adalah percuma.

*-Tamat-*

#### **Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)**

Permodalan Nasional Berhad (PNB) adalah syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan aset di bawah pengurusan (AUM) kini melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB merangkumi pelaburan strategik dalam syarikat-syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan persendirian dan hartanah. Selama lebih empat dekad, kami kekal fokus dalam menyumbang kepada kekayaan Bumiputera dan semua rakyat Malaysia dan berdedikasi untuk memenuhi matlamat kami mengukuh kedudukan kewangan rakyat, merentas generasi. Kami komited terhadap kemampanan, amalan bertanggungjawab dan penciptaan masa depan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan kami dan komuniti yang disantuni. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.pnb.com.my](http://www.pnb.com.my).

#### **Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB)**

Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) adalah syarikat pengurusan unit amanah PNB dengan 32 pejabat cawangan dan lebih 2,700 cawangan ejen seluruh negara yang terdiri daripada Affin Bank, Ambank, Alliance Bank, Bank Islam, Bank Muamalat, Bank Simpanan Nasional, CIMB Bank, Hong Leong Bank, Maybank, RHB Bank dan Pos Malaysia. ASNB kini menguruskan 18 dana unit amanah dengan unit dalam edaran (UIC) kirakira 280 bilion unit daripada lebih 15 juta akaun. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.asnb.com.my](http://www.asnb.com.my) atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan ASNB di talian 03-7730 8899.

#### **Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad**